



Feri yang dibina pada 1981 itu ditamatkan operasinya pada 31 Mei 2020 dan kemudian ditempatkan di PSAH kerana mengalami kebocoran dan tidak lagi boleh dibaiki.

# Feri ikonik Pulau Pinang tenggelam

Tali pengikat putus akibat angin kuat, SPPP akan segera lupuskan

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI GEORGE TOWN

Sebuah feri ikonik tenggelam di Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth pada awal pagi Rabu.

Menurut sumber, Feri Pulau Kapas itu disedari senget dan tenggelam hampir keseluruhan pada jam 3 pagi.

"Feri ini milik Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan memang berada dalam keadaan senget.

"Ia sudah lama diikat guna tali di pangkalan tersebut. Kebetulan malam tadi (Selasa) angin kuat, tali berkenaan putus, menyebabkan feri tersebut tenggelam," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Bermula pada 1 Januari 2021, perkhidmatan feri di Pulau Pinang untuk kenderaan empat tayar dihentikan, manakala feri sedia ada hanya untuk kegunaan motosikal dan basikal.

Bermula pada tarikh itu juga, perkhidmatan feri bagi penumpang, motosikal dan basikal diambil alih oleh Penang Port Sdn Bhd (PPSB) daripada Prasarana Malaysia Berhad.

Bagaimanapun, bagi mengekalkan nilai sejarah dan elemen ikonik Pulau Pinang, SPPP menempatkan dua feri ikonik di Tanjung City Marina.

Feri itu dikatakan akan diubah suai sebagai restoran dan muzium terapung.

Pada Julai tahun sama, SPPP menyerahkan lima feri ikonik lama Pulau Pinang itu kepada tiga syarikat yang berkelayakan untuk diubah suai menjadi muzium, restoran terapung dan feri pelancongan iaitu Feri Talang-Talang, Feri Pulau Payar, Feri Pulau Undan, Feri Pulau Kapas serta Feri Pulau Pinang.

Sementara itu, feri pelancongan akan berlabuh di Swettenham Pier hanya membawa penumpang tanpa kenderaan dan dilengkapi restoran, bilik persidangan, restoran untuk majlis jamuan dan perkahwinan, menjual produk tempatan, kedai cenderamata serta lain-lain acara.

Bagaimanapun, semua feri tersebut perlu dinilai oleh Jabatan Laut terlebih dahulu sebelum dibenarkan berlayar.

Sementara itu, SPPP mengambil tindakan segera dengan menambah tali pengikat feri (*mooring lines*) pada Feri Pulau Kapas yang karam itu.

Pengerusinya, Datuk Yeoh Soon Hin berkata, pihaknya juga me-

masang *boom* bagi mencegah tumpahan minyak daripada bilik enjin.

Menurutnya, hasrat untuk menjadikan Feri Pulau Kapas sebagai sebuah restoran terapung tidak dapat direalisasikan kerana terdapat ketidakpatuhan pemajak terhadap perjanjian pajakan yang telah ditamatkan pada Februari 2023.

"Feri Pulau Kapas yang dibina pada 1981 ini ditamatkan operasinya pada 31 Mei 2020 dan ditempatkan di PSAH. Feri itu diserahkan kembali kepada SPPP oleh Prasarana Malaysia Berhad pada 1 Januari 2021," katanya.

Beliau berkata, SPPP menerima beberapa pelawaan daripada beberapa syarikat untuk membeli atau menyewa feri-feri ikonik itu.

"Isu utama adalah kos keseluruhan yang tinggi dan cadangan lokasi penempatan tidak sesuai. Justeru, SPPP memutuskan untuk segera melupuskan feri-feri ikonik ini," katanya.



SOON HIN



## INFO

Perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang ditamatkan pada 2020 setelah beroperasi lebih 126 tahun dan digantikan dengan perkhidmatan bot laju untuk membawa penumpang individu dan feri bagi motosikal dan basikal.

